



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN DUA PROJEK FASILITI KESIHATAN DI LANGKAWI BAKAL SIAP AKHIR TAHUN 2025

LANGKAWI, KEDAH - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya turun padang hari ini untuk meninjau status kemajuan dua projek milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu tapak Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha dan Pembinaan Kuarters KKM, kedua-duanya terletak di Langkawi.

2. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi menyiapkan projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha dengan kos kontrak sebanyak RM425 juta. Pembinaan bangunan tambahan hospital ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti perkhidmatan kepakaran bagi mengurangkan kebergantungan dan rujukan pesakit ke Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar dan hospital-hospital utama lain yang melibatkan proses pemindahan pesakit yang rumit dan kos.

3. Bangunan tambahan akan meningkatkan bilangan katil lebih dari dua (2) kali ganda iaitu daripada 110 katil kepada 330 katil selari dengan peningkatan penduduk Langkawi serta pertambahan pelancong domestik dan antarabangsa yang semakin meningkat. Skop projek ini juga melibatkan pembinaan tempat letak kereta bertingkat dan juga kuarters kediaman kakitangan.

4. Sehingga 15 Disember 2024, projek ini telah mencapai kemajuan 37.95%. Projek ini telah dimulakan pada 20 Januari 2022 dan dijadualkan siap pada 26 Disember 2025. Projek ini menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM). Kaedah ini dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

5. Bagi Pembinaan Kuarters KKM pula, sehingga 15 Disember 2024 projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 58.70%. Kos kontrak asal projek ini adalah RM88.68 juta. Projek ini telah dimulakan pada 20 April 2021 dan dijangka siap pada 27 Disember 2025. Skop utama projek ini ialah membina tiga Blok Kuarters Pangsa Kelas G yang mengandungi 180 unit kuarters (termasuk 4 unit OKU), satu pondok pengawal, pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB), tiga rumah sampah selain kerja-kerja mekanikal dan elektrik.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap momentum kerja yang telah dicapai setakat ini terus dipertingkatkan agar projek ini dapat disiapkan tepat atau lebih awal dari jadual yang telah ditetapkan disamping kekal menjamin mutu, kos dan rekod keselamatan di tapak pembinaan. KKM dan KKR akan terus bergandingan dalam memastikan semua projek pembangunan fasiliti kesihatan disiapkan mengikut jadual di seluruh negara.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 JANUARI 2025